

**Embargo Sehingga Jam  
1200, Jumaat, 5 Ogos 2016**

## **PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

### **PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI TEMPOH JANUARI–JUN 2016 DAN BULAN JUN 2016** #

***Perdagangan Meningkat 1.3%, Eksport Berkembang 1.2% dan Import Naik 1.4%,  
Enam Bulan Pertama 2016***

**Jumlah perdagangan** Malaysia pada **separuh pertama (H1) 2016** berkembang 1.3% kepada RM704 bilion, daripada RM694.98 bilion yang dicatatkan pada H1 2015. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS), ASEAN, China, Kesatuan Eropah (EU), Bangladesh, Turki dan Mexico.

Pada tempoh tersebut, **eksport** meningkat 1.2% atau RM4.56 bilion kepada RM372.9 bilion dan **import** naik 1.4% atau RM4.46 bilion kepada RM331.11 bilion. **Lebihan dagangan** sebanyak RM41.79 bilion telah direkodkan pada **H1 2016** berbanding RM41.69 bilion yang dicatatkan pada H1 2015.

Prestasi lebih baik yang direkodkan pada H1 2016 telah disumbang sebahagiannya oleh pertumbuhan **perdagangan** pada bulan **Jun 2016** yang meningkat sebanyak 5.7% tahun ke tahun kepada RM127.38 bilion. **Eksport** pada bulan Jun 2016 pulih dengan mencatatkan pertumbuhan 3.4% kepada RM66.45 bilion, setelah merekodkan pertumbuhan negatif pada Mei 2016. **Import** meningkat sebanyak 8.3% atau RM4.65 bilion kepada RM60.93 bilion. **Lebihan dagangan** pada bulan Jun 2016 berjumlah RM5.52 bilion, menjadikannya lebihan dagangan yang ke-224 bulan berturut-turut dicatatkan sejak November 1997.

**Eksport** pada **suku kedua (S2) 2016** berjumlah RM187.74 bilion, meningkat 1.4% berbanding S2 2015. **Import** meningkat 3.1% kepada RM169.88 bilion. **Jumlah perdagangan** bernilai RM357.62 bilion direkodkan, 2.2% lebih tinggi berbanding

RM349.83 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lalu.

**Eksport, import dan jumlah perdagangan** masing-masing berkembang sebanyak 1.4%, 5.4% dan 3.2%, berbanding dengan S1 2016.

### **Prestasi Eksport Sektor Utama**

Secara keseluruhan, kenaikan eksport telah dicatatkan bagi barangan perkilangan dan keluaran pertanian pada **H1 2016**. Eksport hasil galian walau bagaimanapun, mengurang.

#### ***Eksport Perkilangan Berkembang 5.6% pada H1 2016***

Eksport **barangan perkilangan** pada tempoh **Januari-Jun 2016** berkembang sebanyak RM16.31 bilion atau 5.6% kepada RM309.17 bilion berbanding enam bulan pertama tahun 2015. Kenaikan ini didorong oleh eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E), barangan perkilangan logam, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan optik dan saintifik, kimia dan bahan kimia serta barangan makanan diproses. Eksport barangan perkilangan merangkumi 82.9% daripada jumlah eksport Malaysia, mengembang daripada 79.5% yang dicatatkan pada tempoh yang sama 2015.

Eksport **keluaran pertanian** meningkat 1.5% kepada RM31.55 bilion. Eksport **hasil galian** menurun 29.2% kepada RM29.82 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah kerana penyusutan dalam Nilai Unit Purata (AUV) dan kuantiti eksport.

**Barangan eksport utama** pada Januari-Jun 2016 adalah seperti berikut:

- Barangan E&E bernilai RM134.07 bilion, merangkumi 36% daripada jumlah eksport, meningkat 3.5% berbanding tempoh yang sama 2015;
- Kimia dan bahan kimia (RM28.06 bilion), 7.5% daripada jumlah eksport, meningkat 6.6%;

- Keluaran petroleum (RM25.73 bilion), 6.9% daripada jumlah eksport, mengurang 0.8%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit (RM20.88 bilion), 5.6% daripada jumlah eksport, mengurang 0.5%; dan
- Jentera, kelengkapan dan peralatan (RM19.93 bilion), 5.3% daripada jumlah eksport, meningkat 16.1%.

Pada **Jun 2016**, eksport barangan perkilangan meningkat 6.7% kepada RM55.52 bilion. Kenaikan eksport telah direkodkan bagi barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, barangan optik dan saintifik, barangan makanan diproses serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Eksport keluaran pertanian mengurang 13% kepada RM5.54 bilion berikutan penurunan eksport minyak sawit disebabkan oleh kuantiti eksport yang rendah. Eksport hasil galian menurun 11.8% kepada RM4.83 bilion.

### **Prestasi Pasaran Utama**

#### ***Eksport ke ASEAN Meningkat 6% pada Tempoh Januari hingga Jun 2016***

Prestasi perdagangan dengan **ASEAN** direkod kukuh pada **H1 2016** dengan **eksport** berkembang 6% atau sebanyak RM6.19 bilion kepada RM110.04 bilion, menyumbang 29.5% syer kepada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini hasil daripada kenaikan eksport barangan E&E (litar bersepadu elektronik), barangan perkilangan logam (aloi aluminium), jentera, kelengkapan dan peralatan (penghawa dingin), barangan makanan diproses serta kimia dan bahan kimia (alkohol, fenol dan terbitannya). **Import** dari ASEAN menurun 3.2% kepada RM82.88 bilion manakala **perdagangan** dengan ASEAN meningkat 1.8% kepada RM192.92 bilion.

Pecahan **eksport ke negara ASEAN** adalah seperti berikut:

- Singapura RM 53.76 bilion, **meningkat** 5.3%
- Thailand RM 21.37 bilion, ↓0.3%
- Indonesia RM 13.13 bilion, ↓7.2%
- Viet Nam RM 11.55 bilion, ↑42.9%

- Filipina RM 6.67 bilion, ↑13.2%
- Myanmar RM 1.77 bilion, ↑24.4%
- Brunei RM 1.09 bilion, ↓18.6%
- Kemboja RM 656.4 juta, ↑55.0%
- Lao PDR RM 42.8 juta, ↑64.2%

Di antara pasaran utama ASEAN, peningkatan eksport telah direkodkan ke Singapura dan Viet Nam manakala eksport ke Thailand dan Indonesia mengurang. Eksport ke **Singapura** mencatatkan peningkatan RM2.68 bilion, disumbang terutamanya oleh kenaikan eksport barangan E&E. Eksport ke **Viet Nam** naik RM3.47 bilion disokong oleh peningkatan eksport keluaran petroleum dan barangan perkilangan logam. Pengurangan eksport ke **Thailand** sebanyak RM74.9 juta disebabkan oleh penguncupan eksport petroleum mentah manakala eksport ke **Indonesia** menurun sebanyak RM1.01 bilion berikutan eksport keluaran petroleum yang rendah.

Pada **Jun 2016**, **eksport** ke **ASEAN** berkembang sebanyak 8.5% kepada RM19.98 bilion, dengan kenaikan eksport dicatatkan bagi keluaran petroleum, barangan E&E, barangan perkilangan logam serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit. **Import** dari ASEAN naik 2% kepada RM15.37 bilion manakala **perdagangan** dengan ASEAN meningkat 5.6% kepada RM35.36 bilion.

### ***Eksport ke AS Kukuh, Pertumbuhan 15.3% pada H1 2016***

Pada tempoh **enam bulan pertama 2016**, **jumlah perdagangan** dengan **AS** berkembang 12.1% kepada RM67.45 bilion. Peningkatan permintaan terhadap barangan perkilangan Malaysia telah menyumbang kepada kenaikan **eksport** ke AS sebanyak 15.3% kepada RM39.12 bilion. Penyumbang utama kepada kenaikan ini ialah barangan E&E (semikonduktor fotosensitif), barangan optik dan saintifik (alat ganti dan aksesori bagi osiloskop, penganalisa spektrum dan peralatan lain), kelengkapan pengangkutan (alat ganti pesawat) serta barangan perkilangan logam (aluminium bukan aloi). **Import** dari AS meningkat 8% kepada RM28.32 bilion.

Pada **Jun 2016**, **eksport** ke **AS** naik 22% atau RM1.27 bilion kepada RM7.04 bilion, merupakan pertumbuhan tahun ke tahun yang terpentas direkodkan pada tahun ini.

Peningkatan ini telah dipacu oleh kenaikan eksport barangan E&E serta barangan optik dan saintifik. **Import** meningkat 2% kepada RM5.09 bilion manakala **perdagangan** dengan AS naik 12.7% kepada RM12.13 bilion.

### ***Perdagangan Dengan China Sederhana, Enam Bulan Pertama 2016***

**Perdagangan** dengan **China** meningkat 2% kepada RM108.85 bilion pada **H1 2016**. **Eksport** ke China menurun 8.7% kepada RM42.33 bilion, kesan daripada pengurangan eksport barangan E&E dan komoditi, khasnya minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit, LNG dan keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, eksport bagi beberapa barangan telah mencatatkan peningkatan iaitu barangan perkilangan logam, barangan optik dan saintifik, bijih logam serta kimia dan bahan kimia. **Import** dari China naik 10.2% kepada RM66.52 bilion.

Pada **Jun 2016**, **perdagangan** dengan **China** berjumlah RM20.92 bilion, kenaikan kecil daripada RM20.87 bilion yang dicatatkan pada Jun 2015. China menyumbang 16.4% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada Jun 2016. **Eksport** ke China mengurang 20.3% kepada RM7.69 bilion disebabkan oleh penurunan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, LNG, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit serta getah asli. **Import** dari China meningkat 17.9% kepada RM13.23 bilion.

### ***Perdagangan Dengan EU Kukuh pada H1 2016***

**Eksport** ke **EU** merekodkan pertumbuhan 3.8% kepada RM38.01 bilion pada tempoh **Januari-Jun 2016**. Di antara 10 pasaran utama EU, 7 pasaran telah mencatatkan peningkatan eksport dengan 6 daripadanya merupakan pertumbuhan dua digit, iaitu Belgium (↑26.3%), Itali (↑22.4%), Jerman (↑19%), Perancis (↑13.8%), Republik Czech (↑13.6%) dan Sepanyol (↑10.8%). Dari segi barangan, penyumbang utama kepada pertumbuhan eksport ke EU adalah jentera, kelengkapan dan peralatan (penghawa dingin), barangan optik dan saintifik (kelengkapan dan alatan yang digunakan dalam perubatan, pembedahan, pergigian atau veterinar), kimia dan bahan kimia, pakaian dan aksesori, sarung tangan getah serta kelengkapan pengangkutan. **Import** turun

0.4% kepada RM33.98 bilion manakala **perdagangan** naik 1.8% kepada RM71.99 bilion.

Pada **H1 2016**, **United Kingdom (UK)** menyumbang 1.2% syer kepada jumlah eksport Malaysia, dengan nilai **eksport** sebanyak RM4.3 bilion. **Perdagangan** dengan UK berjumlah RM7.72 bilion, merangkumi 1.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia. UK merupakan rakan dagang ke-18 terbesar Malaysia bagi tempoh Januari-Jun 2016, dan ke-4 terbesar dalam pasaran EU selepas Jerman, Belanda dan Perancis. **Import** dari UK bernilai RM3.42 bilion.

**Eksport** ke EU pada **Jun 2016** meningkat 4.1% kepada RM6.6 bilion manakala **import** naik 3.7% kepada RM5.68 bilion. **Jumlah perdagangan** sebanyak RM12.27 bilion dicatatkan, meningkat 3.9%.

### ***Pengurangan Eksport LNG ke Jepun, Eksport Turun 15.7% pada H1 2016***

Pada tempoh **enam bulan pertama 2016**, **eksport** ke **Jepun** bernilai RM30.86 bilion, mengurang 15.7% atau RM5.73 bilion disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport LNG, sebanyak RM6.08 bilion. Pada tempoh tersebut, eksport LNG merangkumi 32.4% daripada jumlah eksport ke Jepun. Namun begitu, eksport barangan perkilangan ke Jepun terus kukuh dengan peningkatan 2.3% kepada RM18.75 bilion. Ini disumbang oleh kenaikan eksport jentera, kelengkapan dan peralatan, tekstil, barangan galian bukan logam serta barangan makanan diproses. **Import** dari Jepun naik 3.9% kepada RM27.44 bilion manakala **perdagangan** mengurang 7.5% kepada RM58.3 bilion.

Pada **Jun 2016**, **eksport** ke Jepun mencatatkan peningkatan tahun ke tahun yang pertama dalam tempoh 6 bulan, berkembang 2.4% kepada RM4.9 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan eksport jentera, kelengkapan dan peralatan, bijih logam, barangan kayu serta pakaian dan aksesori. **Perdagangan** dengan Jepun berkembang 6.4% kepada RM9.89 bilion manakala **import** naik 10.7% kepada RM4.99 bilion.

### ***Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA Menyumbang 62.4% Syer***

Pada tempoh **Januari-Jun 2016**, jumlah perdagangan dengan rakan dagang **Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)** bernilai RM439.56 bilion, merangkumi 62.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport bernilai RM230.07 bilion dan import berjumlah RM209.48 bilion. Peningkatan eksport direkodkan ke Viet Nam, Singapura, Turki, Filipina, Myanmar, Kemboja, Pakistan, India dan Laos.

Eksport ke **Turki** meningkat 123.6% kepada RM3.02 bilion, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit, barangan perkilangan logam serta kimia dan bahan kimia. Eksport ke **Filipina** mencatatkan peningkatan dua digit iaitu 13.2% kepada RM6.67 bilion berikutan kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit, serta barangan makanan diproses. Eksport ke **India** berjumlah RM15.15 bilion, meningkat 0.9%. Ini disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan perkilangan logam serta barangan E&E.

Pada **Jun 2016**, perdagangan dengan rakan dagang FTA merangkumi 62.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan jumlah sebanyak RM79.83 bilion. **Eksport** ke rakan dagang FTA bernilai RM40.61 bilion manakala **import**, RM39.22 bilion.

### ***Pertumbuhan Pasaran Baru***

Pada tempoh **enam bulan pertama 2016**, pasaran yang mencatatkan pertumbuhan eksport yang ketara adalah Mexico dengan peningkatan 44.2% atau RM1.15 bilion di mana penyumbang utama kepada kenaikan tersebut adalah barangan E&E, Nigeria (↑187.6% atau RM1.06 bilion, keluaran petroleum), Bangladesh (↑58% atau RM1.03 bilion, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit) dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) (↑15.4% atau RM870 juta, keluaran petroleum).

## Import

Pada **enam bulan pertama 2016**, **import** bernilai RM331.11 bilion, naik 1.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2015. **Tiga kategori utama** import mengikut penggunaan akhir adalah:

- **Barang pengantara**, bernilai RM189.84 bilion atau 57.3% **syer** daripada jumlah import, **mengurang** 1.7%, disebabkan terutamanya oleh penurunan import keluaran petroleum;
- **Barang modal** (RM45.88 bilion, 13.9% syer, **turun** 1.9%), disebabkan terutamanya oleh penurunan import kelengkapan telekomunikasi; dan
- **Barang penggunaan** (RM33.47 bilion, 10.1% syer, **naik** 16.4%), berikutan kenaikan import barang makanan.

**Pada Jun 2016**, import meningkat 8.3% kepada RM60.93 bilion. **Tiga kategori utama** import mengikut penggunaan akhir adalah barang pengantara yang bernilai RM34.66 bilion, naik 5.7%, barang modal (RM8.19 bilion, ↑12.8%) dan barang penggunaan (RM5.93 bilion, ↑1.8%).

*Nota:*

*Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".*

*Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Jumaat, 5 Ogos 2016 dan boleh dimuat turun melalui e-perkhidmatan di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/news-ortalx/ep/epLogin.seam>).*

+ *Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).*

# *Data bulan Jun 2016 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.*

*Mulai bulan rujukan September 2015, terdapat perubahan kecil pada pemilihan kod bagi eksport dan import bagi barangan/komoditi utama dan terpilih mengikut sektor.*

**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Perdagangan</u> (RM Juta)
<b>2015<sup>P</sup></b>				
Januari	63,604.8	54,647.7	8,957.1	118,252.5
Februari	53,168.7	48,613.6	4,555.1	101,782.3
Mac	66,466.4	58,644.6	7,821.8	125,111.1
April	60,381.7	53,516.6	6,865.1	113,898.3
Mei	60,453.9	54,941.0	5,512.9	115,395.0
<b>Jun</b>	<b>64,258.4</b>	<b>56,280.1</b>	<b>7,978.3</b>	<b>120,538.5</b>
Julai	63,216.7	60,850.3	2,366.3	124,067.0
Ogos	66,499.0	56,336.9	10,162.1	122,835.9
September	70,161.3	60,470.9	9,690.4	130,632.2
Oktober	75,810.2	63,645.6	12,164.6	139,455.7
November	67,627.6	57,393.1	10,234.5	125,020.6
Disember	68,297.9	60,050.2	8,247.6	128,348.1
<b>2015 (Jan-Dis)<sup>P</sup></b>	<b>779,946.6</b>	<b>685,390.7</b>	<b>94,555.9</b>	<b>1,465,337.3</b>
<b>2016<sup>P</sup></b>				
Januari	61,851.8	56,460.1	5,391.7	118,311.9
Februari	56,719.7	49,368.1	7,351.6	106,087.9
Mac	66,586.2	55,393.6	11,192.6	121,979.7
April	61,346.9	52,291.9	9,054.9	113,638.8
Mei	59,943.4	56,660.1	3,283.3	116,603.5
<b>Jun</b>	<b>66,449.6</b>	<b>60,932.0</b>	<b>5,517.6</b>	<b>127,381.6</b>
<b>2015<sup>P</sup></b>				
S1	183,240.0	161,906.0	21,334.0	345,146.0
<b>S2</b>	<b>185,094.1</b>	<b>164,737.7</b>	<b>20,356.4</b>	<b>349,831.8</b>
S3	199,876.9	177,658.2	22,218.8	377,535.1
S4	211,735.6	181,088.9	30,646.7	392,824.4
<b>2016<sup>P</sup></b>				
S1	185,157.7	161,221.8	23,935.9	346,379.4
<b>S2</b>	<b>187,739.8</b>	<b>169,884.0</b>	<b>17,855.8</b>	<b>357,623.8</b>
<b>2015 (Jan-Jun)<sup>P</sup></b>	<b>368,334.1</b>	<b>326,643.7</b>	<b>41,690.4</b>	<b>694,977.7</b>
<b>2016 (Jan-Jun)<sup>P</sup></b>	<b>372,897.5</b>	<b>331,105.8</b>	<b>41,791.7</b>	<b>704,003.3</b>

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT**

Barangan	Jun 2016 <sup>P</sup>	Mei 2016 <sup>P</sup>	Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>66,449.6</b>	<b>59,943.4</b>	<b>64,258.4</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	24,285.1	21,750.6	23,145.0
Keluaran Petroleum	5,179.4	4,219.8	4,522.2
Kimia & Bahan Kimia	4,940.0	4,744.0	4,610.5
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Sawit	3,665.0	3,748.2	4,600.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,318.8	3,262.2	3,104.3
Barangan Perkilangan Logam	3,218.6	2,669.1	3,366.2
Barangan Optik & Saintifik	2,407.3	2,242.8	2,114.9
LNG	2,016.1	1,871.5	2,848.8
Petroleum Mentah	1,915.6	1,357.7	2,066.2
Barangan Makanan Diproses	1,674.2	1,601.3	1,459.7

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT**

Pasaran	Jun 2016 <sup>P</sup>	Mei 2016 <sup>P</sup>	Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>66,449.6</b>	<b>59,943.4</b>	<b>64,258.4</b>
Singapura	9,844.2	8,495.2	8,737.0
China	7,691.1	7,086.0	9,653.5
AS	7,040.8	6,383.2	5,772.5
Jepun	4,904.9	4,258.2	4,792.0
Thailand	3,756.9	3,448.9	3,810.6
Hong Kong	3,383.3	2,941.4	3,299.2
Viet Nam	2,688.8	2,199.3	1,522.2
India	2,567.8	2,738.8	2,880.9
Australia	2,419.7	1,941.8	1,971.6
Indonesia	1,909.2	2,264.4	2,621.9

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - JUN)**

Barangan	Jan-Jun 2016 <sup>P</sup>	Jan-Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>372,897.5</b>	<b>368,334.1</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	134,070.0	129,484.9
Kimia & Bahan Kimia	28,061.6	26,322.4
Keluaran Petroleum	25,726.5	25,930.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Sawit	20,876.9	20,982.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	19,932.5	17,168.7
Barangan Perkilangan Logam	17,379.3	14,591.2
LNG	15,536.2	25,198.1
Barangan Optik & Saintifik	14,063.4	12,142.7
Petroleum Mentah	9,701.8	12,734.7
Keluaran Getah	9,677.8	9,665.2

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - JUN)**

Pasaran	Jan-Jun 2016 <sup>P</sup>	Jan-Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>372,897.5</b>	<b>368,334.1</b>
Singapura	53,757.6	51,074.0
China	42,331.2	46,353.0
AS	39,123.4	33,942.0
Jepun	30,859.7	36,591.9
Thailand	21,370.4	21,445.3
Hong Kong	18,348.0	18,384.8
India	15,151.9	15,017.9
Australia	13,423.7	13,680.7
Indonesia	13,134.0	14,145.9
Viet Nam	11,554.3	8,087.5

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)**

Barangan	S2 2016 <sup>p</sup>	S1 2016 <sup>p</sup>	S2 2015 <sup>p</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>187,739.8</b>	<b>185,157.7</b>	<b>185,094.1</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	67,507.7	66,562.3	65,248.1
Keluaran Petroleum	14,614.2	11,112.3	13,268.5
Kimia & Bahan Kimia	14,337.2	13,724.4	13,393.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Sawit	10,897.6	9,979.3	11,727.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	10,101.0	9,831.4	9,157.7
Barangan Perkilangan Logam	8,698.6	8,680.7	8,514.1
Barangan Optik & Saintifik	7,019.4	7,044.0	6,053.8
LNG	6,052.3	9,483.9	8,697.7
Barangan Makanan Diproses	4,902.7	4,719.3	4,277.4
Keluaran Getah	4,868.7	4,809.1	5,160.6

**JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)**

Pasaran	S2 2016 <sup>p</sup>	S1 2016 <sup>p</sup>	S2 2015 <sup>p</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>187,739.8</b>	<b>185,157.7</b>	<b>185,094.1</b>
Singapura	27,488.3	26,269.3	25,500.2
China	21,524.3	20,806.9	25,814.7
AS	20,054.8	19,068.6	17,084.5
Jepun	13,572.1	17,287.5	14,810.7
Thailand	10,369.1	11,001.3	11,088.7
Hong Kong	9,443.7	8,904.3	9,184.3
India	7,619.9	7,532.0	7,706.2
Viet Nam	6,995.5	4,558.8	4,419.5
Australia	6,762.6	6,661.1	6,626.1
Indonesia	6,567.7	6,566.4	7,686.3

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT**

Barangan	Jun 2016 <sup>P</sup>	Mei 2016 <sup>P</sup>	Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>60,932.0</b>	<b>56,660.1</b>	<b>56,280.1</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	18,115.8	16,638.4	16,186.7
Kimia & Bahan Kimia	6,014.7	5,862.3	5,785.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,580.3	5,201.3	4,848.4
Keluaran Petroleum	5,440.5	4,132.6	4,622.8
Barangan Perkilangan Logam	3,261.1	3,064.9	3,650.1
Kelengkapan Pengangkutan	3,095.2	4,314.3	2,769.8
Barangan Besi & Keluli	2,199.0	1,763.0	1,842.4
Barangan Optik & Saintifik	1,876.8	1,803.8	1,733.9
Tekstil, Pakaian & Kasut	1,794.3	1,877.5	1,764.0
Barangan Makanan Diproses	1,404.3	1,398.9	1,561.8

**JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT**

Pasaran	Jun 2016 <sup>P</sup>	Mei 2016 <sup>P</sup>	Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>60,932.0</b>	<b>56,660.1</b>	<b>56,280.1</b>
China	13,227.1	11,972.2	11,214.2
Singapura	6,805.5	5,553.0	6,641.8
AS	5,087.4	4,730.8	4,986.6
Jepun	4,986.7	4,146.6	4,504.8
Thailand	3,496.0	3,550.6	3,329.2
Taiwan	3,492.3	3,348.0	2,842.3
ROK	2,746.6	2,944.1	2,105.6
Indonesia	2,475.6	2,206.7	2,957.2
Jerman	1,977.6	1,907.1	1,876.5
Viet Nam	1,849.1	1,416.8	1,401.1

**JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI - JUN)**

Barangan	Jan-Jun 2016 <sup>P</sup>	Jan-Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>331,105.8</b>	<b>326,643.7</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	100,514.0	94,515.0
Kimia & Bahan Kimia	33,775.5	31,722.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	30,132.6	28,359.5
Keluaran Petroleum	24,186.4	28,264.6
Kelengkapan Pengangkutan	18,693.4	18,097.3
Barangan Perkilangan Logam	18,552.0	21,979.1
Barangan Optik & Saintifik	10,703.8	10,125.0
Barangan Besi & Keluli	10,281.5	11,442.9
Tekstil, Pakaian & Kasut	9,277.1	7,007.0
Barangan Makanan Diproses	8,695.1	8,579.1

**JADUAL 11: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI - JUN)**

Pasaran	Jan-Jun 2016 <sup>P</sup>	Jan-Jun 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>331,105.8</b>	<b>326,643.7</b>
China	66,516.5	60,346.2
Singapura	35,277.7	38,328.7
AS	28,323.8	26,234.9
Jepun	27,439.2	26,411.4
Thailand	20,782.8	19,510.5
Taiwan	18,852.0	17,070.5
ROK	15,521.8	14,565.0
Indonesia	14,174.3	15,160.6
Jerman	11,578.3	11,230.4
Viet Nam	8,479.8	8,509.4

**JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)**

Barangan	S2 2016 <sup>p</sup>	S1 2016 <sup>p</sup>	S2 2015 <sup>p</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>169,884.0</b>	<b>161,221.8</b>	<b>164,737.7</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	50,282.7	50,231.3	48,296.1
Kimia & Bahan Kimia	17,625.0	16,150.6	16,246.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	15,556.9	14,575.7	14,364.2
Keluaran Petroleum	13,341.0	10,845.4	13,465.0
Kelengkapan Pengangkutan	10,251.2	8,442.2	8,527.8
Barangan Perkilangan Logam	9,330.6	9,221.4	10,734.0
Barangan Besi & Keluli	5,514.2	4,767.3	5,367.0
Barangan Optik & Saintifik	5,458.4	5,245.4	5,060.8
Tekstil, Pakaian & Kasut	5,220.6	4,056.5	4,609.2
Barangan Makanan Diproses	4,226.6	4,468.5	4,311.0

**JADUAL 13: PASARAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)**

Pasaran	S2 2016 <sup>p</sup>	S1 2016 <sup>p</sup>	S2 2015 <sup>p</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>169,884.0</b>	<b>161,221.8</b>	<b>164,737.7</b>
China	36,006.9	30,509.7	31,825.7
Singapura	17,778.6	17,499.1	19,601.4
AS	14,305.1	14,018.7	13,301.8
Jepun	13,729.4	13,709.8	13,121.6
Thailand	10,343.0	10,439.8	9,869.2
Taiwan	9,939.0	8,913.0	8,365.9
ROK	8,108.9	7,412.8	7,264.8
Indonesia	7,092.1	7,082.2	7,643.1
Jerman	5,832.1	5,746.3	6,127.4
Viet Nam	4,235.0	4,244.8	4,449.2

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia  
 Jadual ini disediakan oleh MATRADE

Nota :  
 p – data provisional

**CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2009-2016**

